

27 JUL 1997

Mahathir-Pintar

PERKONGSIAN PINTAR BOLEH DIPERLUASKAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan rakyat mengubah pemikiran untuk menerima perkongsian pintar yang akan membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam suasana penuh cabaran.

Beliau berkata kemunculan teknologi digital telah merobah peraturan persaingan dalam perniagaan yang membolehkan hanya satu atau dua pihak menjadi pemenang.

"Konsep baru perdagangan dan pelaburan telah mewujudkan keperluan bagi satu revolusi etos perniagaan," katanya dalam perutusan buku cenderamata Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID'97) di sini.

Dr Mahathir yang merupakan penaung dan penasit LID '97, berkata "banyak berlaku pada masa lepas, persaingan bermakna satu atau dua pihak harus muncul sebagai pemenang sementara yang lain terpaksa mengalah."

"Bagaimanapun dalam kita memasuki alaf baru, kombinasi teknologi dan pasaran global telah mewujudkan konsep baru perdagangan dan pelaburan."

"Ini telah mewujudkan keperluan bagi satu revolusi etos dan prinsip perniagaan bagi mengatur semula bukan sahaja proses kerja tetapi pemikiran rakyat," kata Perdana Menteri.

Konsep perkongsian pintar boleh diperluaskan kepada entiti lain seperti individu, syarikat dan bandaraya, katanya.

Beliau berkata konsep itu tidak harus terhad hanya antara kerajaan, sektor swasta dan negara di sesebuah rantau.

Dengan menyebut Dialog Antrabangsa Barbados (BID `96) bagi negara-negara kecil dan baru-baru ini Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID '97) di Kasane, Botswana, Dr Mahathir gembira bahawa LID telah dicontohi oleh usaha-usaha yang serupa di rantau lain.

"Ini akan membantu menggalakkan satu persefahaman baru antara rantau dan perkumpulan yang akan menyumbang kepada satu era keamanan dan kemakmuran global, sebuah komanwel dunia di mana kekayaan adalah benar-benar untuk semua, katanya.

Dr Mahathir berkata LID '97 akan mengukuhkan hubungan antara seseorang bagi membentuk perkongsian pintar yang akan membantu antara satu sama lain bagi faedah manusia.

LID tahun ini bertemakan `Perkongsian Pintar dalam Tindakan" akan dihadiri oleh ketua-ketua kerajaan, naib presiden, timbalan perdana menteri dan menteri-menteri dari negara-negara seperti Botswana, Jordan, Namibia, Malawi, Swaziland, Mauritius, Grenada, Seychelles dan Zimbabwe. -- BERNAMA

RV RON